

**FDI bukan anak emas kerajaan  
Utusan Online  
Februari 02, 2012  
Oleh NORLAILI ABD. RAHMAN**

KUALA LUMPUR 1 Feb. - Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) memikul tanggung jawab besar untuk menghapuskan persepsi bahawa pelaburan langsung asing (FDI) menerima lebih banyak insentif berbanding pelaburan domestik (DDI) pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, MITI telah mengemukakan cadangan kepada perbendaharaan untuk terus membantu merangsang pelabur-pelabur tempatan melabur di dalam negara.

"Kami mahu menghapuskan persepsi bahawa FDI adalah anak emas kerajaan sedangkan DDI juga menerima insentif yang setara dengan pelaburan asing cuma apa yang sering diperkatakan adalah keistimewaan yang diperolehi oleh pelabur luar.

"Jadi pada tahun ini MITI mahu memberi tumpuan yang lebih kepada DDI dan cadangkan insentif (mungkin) dalam bentuk geran dan minta perbendaharaan tubuhkan satu dana untuk membantu merangsang lebih banyak DDI," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Jelas Mustapa, dana untuk membantu pelabur DDI telah pun ditubuhkan kerajaan dan dipanggil dana kemudahan tetapi cadangan MITI kepada Kementerian Kewangan adalah untuk melihat lebih banyak dana seumpama itu diadakan di negara ini di samping mempunyai fungsi yang lebih meluas.

Tambahnya, banyak projek yang dijalankan oleh pihak swasta memerlukan bantuan kerajaan dan dana ini akan akan menolong mereka melaksanakan projek tersebut.

"Contohnya, projek pembangunan Pusat Konvensyen Sabah, ia adalah projek swasta tetapi ia masih memerlukan bantuan kerajaan, jadi kerajaan boleh bagi bantuan menerusi dana ini, ia lebih kepada kerjasama swasta-kerajaan, banyak lagi projek- projek seumpama ini yang bakal dilaksanakan dan dengan adanya dana sebegini, ia mampu merangsang lebih banyak pelaburan tempatan, " ujar beliau lagi.

Menurut Mustapa, 2012 dilihat sebagai tahun yang lebih mencabar berbanding tahun lalu terutama di dalam usaha untuk mengekalkan prestasi pelaburan dan perdagangan serta pertumbuhan ekonomi negara.

Justeru, MITI dan kerajaan menggunakan pendekatan untuk meningkatkan pelaburan dalam negara bagi mengurangi impak faktor luaran yang diramalkan menjejaskan eksport dan FDI.

"Strategi 2012 adalah memberi tumpuan kepada DDI, ini tidak bermakna kerajaan tidak memberi fokus langsung untuk menarik pelabur asing, sebaliknya kami melihat kepentingan merangsang lebih banyak pelaburan dalam negara ketika ini, " katanya.

Untuk rekod, prestasi pelaburan negara dalam pengilangan, perkhidmatan dan sektor-sektor utama yang lain bagi 11 bulan pertama tahun lalu adalah sangat memberangsangkan.

Malaysia mencatat pelaburan diluluskan berjumlah RM120.4 bilion melibatkan 3,825 projek di dalam sektor-sektor berkenaan bagi tempoh Januari-November 2011.

Daripada jumlah tersebut, RM69.2 bilion atau 57.5 peratus disumbang oleh DDI manakala bakinya, RM51.2 bilion atau 42.5 peratus adalah daripada FDI.

Projek-projek itu jika berjaya dilaksanakan bakal membuka 118,384 peluang pekerjaan di negara ini.

Dalam tempoh tersebut, pelaburan di dalam sektor perkhidmatan mencatat nilai tertinggi iaitu RM54.5 bilion dengan 2,968 projek diluluskan diikuti dengan sektor pengilangan iaitu RM45.5 bilion (757 projek) dan sektor utama (RM20.4 bilion dengan 100 projek).

Sektor utama merangkumi pertanian, perlombongan, perladangan dan sub-sektor komoditi.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0202&pub=Utusan\\_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek\\_01.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0202&pub=Utusan_Malaysia&sec=Ekonomi&pg=ek_01.htm)